



## SIARAN MEDIA

### PROGRAM JOM MAKAN DURIAN BERSAMA CO-OPBANK PERSATUAN PERERAT HUBUNGAN PELANGGAN DAN PENGAMAL MEDIA

- 
1. Ketibaan musim buah-buahan pada tahun ini tidak disia – siakan oleh Co-opbank Persatuan bagi meraikan para pelanggan dan tetamu dengan pelbagai jenis durian dalam Program Jom Makan Durian Bersama Co-opbank Persatuan yang dianjurkan oleh Co-opbank Persatuan Cawangan Putrajaya di Presint 8, Putrajaya pada 26 Julai 2018.
  
  2. Para jemputan yang terdiri daripada warga pendidik, kakitangan kerajaan di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya serta Pengamal Media diadakan sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas sokongan yang telah diberikan kepada Co-opbank Persatuan sejak memulakan operasinya pada tahun 2015 yang lalu.
  
  3. Pengurus Co-opbank Persatuan Cawangan Putrajaya, En. Zahrin Bin Ibrahim berkata, "Kakitangan sektor pendidikan adalah antara penyumbang terbesar kepada perkembangan perniagaan Co-opbank Persatuan Cawangan Putrajaya".
  
  4. Co-opbank Persatuan Cawangan Putrajaya juga telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM1.96 juta pada tahun 2017 dan merupakan antara cawangan Co-opbank Persatuan yang memperolehi keuntungan tertinggi berbanding cawangan-cawangan yang lain.

5. Baki pembiayaan bersih juga meningkat setiap tahun di Cawangan Putrajaya dengan jumlah yang direkodkan sebanyak RM55.19 juta (sehingga 30 Jun 2018) berbanding RM21.80 juta pada 31 Disember 2016 dan modal syer anggota meningkat dari RM2.15 juta kepada RM4.15 juta, beliau mensasarkan peningkatan dua kali ganda pada tahun ini untuk baki syer anggota dan pembiayaan bersih.
6. Pertandingan Makan Durian Paling Banyak antara Pengamal Media yang hadir merupakan acara kemuncak program ini bagi mengeratkan hubungan sesama pengamal media dan memberi ruang untuk mereka bersaing bagi mendapatkan hadiah istimewa daripada Co-opbank Persatuan.
7. Co-opbank Persatuan Cawangan Putrajaya telah beroperasi pada 15 Julai 2015 dan menawarkan produk-produk perbankan seperti Pembiayaan Persendirian, Saham Keanggotaan, Ar-Rahnu, Akaun Simpanan Al-Wadiah Hasanah dan banyak lagi.
8. Sehingga kini terdapat 20 buah cawangan Co-opbank Persatuan di seluruh Malaysia dan tahun ini Co-opbank Persatuan akan membuka lagi empat buah cawangan iaitu di Batu Pahat, Kuala Selangor, Temerloh dan Port Dickson.

***~tamat~***

Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi:

Aminudin Ismail  
Ketua Perancangan Strategik dan Komunikasi Korporat  
03-2604 0704 (ext: 106) / aminudin@cbp.com.my

Mohd Faiz Othman  
Pegawai Hal Ehwal Korporat  
03-2604 0704 (ext: 126) / faiz@cbp.com.my

### **Mengenai Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad**

Koperasi Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad adalah sebuah pertubuhan koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 dan didaftarkan pada 7 Jun 1950 dengan nama asalnya "The Province Wellesley Co-operative Banking Union Limited". Pada tahun 1959 nama tersebut telah ditukarkan kepada Bank Persatuan Kerjasama Seberang Perai Berhad dan seterusnya pada tahun 1995 telah ditukarkan kepada nama Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad dan pada tahun 2014 nama tersebut telah ditukarkan kepada nama terkini Koperasi Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad ataupun ringkasnya "Co-opbank Persatuan". Co-opbank Persatuan merupakan koperasi pertama yang menerima pengiktirafan sebagai Co-opbank / Bank Koperasi daripada pihak kerajaan pada 15 September 2014. Sebarang maklumat lanjut boleh laman web CBP - <https://www.cbp.com.my>